



**KOLEJ YAYASAN PELAJARAN JOHOR
PEPERIKSAAN AKHIR**

NAMA KURSUS : ASAS KEUSAHAWANAN
KOD KURSUS : ETR 2022
PEPERIKSAAN : APRIL 2018
MASA : 2 JAM

ARAHAN KEPADA CALON

1. Kertas soalan ini mengandungi **TIGA (3)** Bahagian: BAHAGIAN A (20 Markah)
 BAHAGIAN B (40 Markah)
 BAHAGIAN C (20 Markah)
2. Calon tidak dibenarkan membawa masuk sebarang peralatan ke dalam bilik peperiksaan kecuali dengan kebenaran pengawas peperiksaan.
3. Sila pastikan bahan-bahan berikut diperolehi untuk sesi peperiksaan ini:
 - i. Kertas Soalan
 - ii. Buku Jawapan
 - iii. Kertas Jawapan Objektif

JANGAN BUKA KERTAS SOALANINI SEHINGGA DIBERITAHU

KERTAS SOALANINI MENGANDUNG 10 HALAMAN BER CETAK TERMASUK MUKA HADAPAN

BAHAGIAN A [20 MARKAH]

Bahagian ini mengandungi **DUA PULUH (20)** soalan.

Jawab SEMUA dalam Kertas Jawapan Objektif.

1. Maksud entreprendre ialah _____.
 - A. kecekalan
 - B. merebut peluang
 - C. risiko perniagaan
 - D. memikul tugas atau mencuba

2. Vivy Yusof adalah ikon keusahawanan Malaysia yang terkenal dalam bidang _____.
 - A. fesyen
 - B. kecantikan
 - C. peruncitan
 - D. penerbangan

3. Kenyataan berikut adalah benar tentang etika perniagaan **KECUALI**
 - A. Etika perniagaan akan meningkatkan imej syarikat.
 - B. Usahawan beretika tidak mematuhi undang-undang.
 - C. Usahawan yang beretika akan dapat menarik pelabur.
 - D. Usahawan yang beretika tidak akan mengabaikan tanggungjawab sosial.

4. Yang manakah **BUKAN** prinsip etika perniagaan islam?
 - A. Mengharamkan riba.
 - B. Menekankan aktiviti halal.
 - C. Elakkan daripada belenggu hutang.
 - D. Mementingkan keuntungan semata-mata.

5. Mariam adalah seorang yang sanggup berkorban dan menambahkan usaha untuk menyelesaikan masalah kerja dalam perniagaan. Apakah ciri kompetensi tersebut?
 - A. Inisiatif.
 - B. Kecekalan.
 - C. Menyelesaikan masalah.
 - D. Komitmen terhadap perjanjian kerja.
6. Apakah konsep keusahawanan menurut Islam?
 - A. Berusaha mencari jalan penyelesaian masalah.
 - B. Mementingkan keuntungan dan mengejar nama.
 - C. Sensitif dan peka terhadap peluang persekitaran.
 - D. Merangkumi aspek kehidupan didunia dan di akhirat.
7. Yang manakah antara berikut cara untuk membina minda kreatif?
 - A. Bersukan.
 - B. Melancong.
 - C. Banyak membaca.
 - D. Menonton wayang .
8. Usahawan perlu cuba memahami masalah yang hendak diselesaikan dan ini dilakukan secara sedar, penuh usaha dan bersistem. Proses ini dikenali sebagai proses _____.
 - A. inkubasi
 - B. verifikasi
 - C. persediaan
 - D. pengilhaman
9. Yang manakah **TIDAK BENAR** mengenai persekitaran kreatif?
 - A. Takut menerima kesan daripada kesilapan yang dilakukan.
 - B. Takut melakukan perkara yang tidak mengikuti norma biasa.
 - C. Pihak pengurusan memberi sepenuh kepercayaan kepada pekerja.
 - D. Menggunakan teknik-teknik penjana idea seperti kaedah percambahan fikiran.

10. Proses _____ ialah replikasi produk atau servis yang sedia ada.
- A. sintesis
 - B. duplikasi
 - C. penciptaan
 - D. perkembangan
11. Apakah faktor persekitaran luaran yang digunakan untuk mengenal pasti, menilai dan memilih peluang?
- A. Ilmu.
 - B. Minat.
 - C. Ekonomi.
 - D. Pengalaman.
12. Ahmad ingin menuju perniagaan milikan tunggal. Namun ada beberapa risiko yang perlu dihadapinya. Antaranya ialah _____.
- A. mudah diuruskan
 - B. memerlukan rakan kongsi
 - C. mudah mendapatkan modal
 - D. perkembangan perniagaan terhad
13. Berikut adalah kebaikan perniagaan perkongsian **KECUALI**
- A. Mudah mendapat pinjaman.
 - B. Harta peribadi dan syarikat disatukan.
 - C. Sumbangan modal daripada rakan kongsi.
 - D. Lebih banyak idea, kebolehan dan kemahiran daripada rakan kongsi.

Merupakan entiti yang sah terpisah dengan pemilik.
Pemegang saham 2-50 orang.
Mempunyai harta atas nama sendiri.

14. Berdasarkan kenyataan di atas, apakah jenis perniagaan tersebut?
- A. MilikanTunggal.
 - B. Syarikat Perkongsian.
 - C. Syarikat Awam Berhad.
 - D. Syarikat Sendirian Berhad.
15. Peluang _____ bermaksud pengasas produk atau servis memberikan hak eksklusif kepada individu untuk edaran produknya dan akan menerima bayaran royalti.
- A. perikatan strategik
 - B. perniagaan sendiri
 - C. perniagaan francais
 - D. penjenamaan semula
16. Yang manakah **TIDAK BENAR** tentang rancangan perniagaan?
- A. Perjanjian dan kontrak perniagaan.
 - B. Digunakan untuk mendapatkan pinjaman dan pelaburan.
 - C. Dokumen bertulis untuk kegunaan dalaman dan luaran syarikat.
 - D. Menerangkan perkara berkaitan keuntungan dan kerugian perniagaan.
17. Apakah komponen yang terkandung dalam rancangan perniagaan?
- A. Senarai peabur
 - B. Teknik penjualan
 - C. Teknik pembungkusan
 - D. Rancangan pemasaran

18. Komponen utama di dalam suatu perniagaan ialah _____.

- A. modal
- B. pasaran
- C. pemasaran
- D. rakan kongsi

19. Yang manakah menunjukkan pengaruh psikologi pembelian sebagai maklumat psikografik?

- A. Umur.
- B. Keinginan.
- C. Pekerjaan.
- D. Pendapatan.

20. Apakah kepentingan pembungkusan produk dalam strategi pemasaran?

- A. Dapat menaikkan imej dan reputasi perniagaan.
- B. Dapat meningkatkan penggunaan barang tersebut.
- C. Dapat meningkatkan jumlah pembelian dikalangan pelanggan.
- D. Dapat menarik perhatian pelanggan untuk membeli produk tersebut.

[20 MARKAH]

BAHAGIAN B (40 MARKAH)

Bahagian ini mengandungi **SEPULUH (10)** soalan.

Jawab SEMUA dalam Buku Jawapan.

1. Berikan maksud usahawan. (2 markah)

2. Terangkan dua (2) ciri-ciri seorang usahawan. (4 markah)

3. Nyatakan dua (2) orang usahawan terkenal dalam Malaysia. (2 markah)

4. Terangkan tiga (3) etika perniagaan mengikut Islam. (6 markah)

5. Berikan maksud kreativiti. (2 markah)

6. Nyatakan empat (4) proses kreativiti. (4 markah)

7. Berikan definisi inovasi. Nyatakan dua (2) jenis produk yang telah diinovasi pada masa kini. (4 markah)

8. Nyatakan dua (2) ciri-ciri syarikat berikut:
a) Sendirian Berhad
b) Perkongsian (4 markah)

9. Terangkan **empat (4)** komponen utama dalam rancangan perniagaan. (8 markah)
10. Nyatakan **empat (4)** komponen strategi pemasaran. (4 markah)

[40 MARKAH]

BAHAGIAN C (20 MARKAH)

Bahagian ini mengandungi **DUA (2)** soalan.

Jawab SEMUA soalan dalam Buku Jawapan.

SOALAN 1



Rajah 1

- a) Berdasarkan Rajah 1 di atas, nyatakan jenis perniagaan syarikat tersebut. (1 markah)
- b) Huraikan **dua (2)** kelemahan perniagaan di atas. (4 markah)
- c) Adakah anda berminat untuk memulakan perniagaan seperti ini? Huraikan kenyataan anda. (5 markah)

SOALAN 2

Era tahun 2000 hangat memperkatakan tentang kreativiti dan inovasi. Kerajaan Malaysia turut memberi galakan dan dorongan kepada usahawan muda agar menyedari keperluan sains dan teknologi yang mampu untuk menjana peluang dan meningkatkan kreativiti dan inovasi perniagaan. Usahawan yang berinovasi dan kreatif mempunyai peluang yang lebih baik di pasaran.

Rajah 2

- a) Nyatakan **empat (4)** halangan untuk menjadi seorang yang kreatif. (4 markah)
- b) Huraikan **tiga (3)** jenis inovasi beserta contoh untuk setiap jenis. (6 markah)

[20 MARKAH]

